



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)**

www.ijepc.com



**PEMAHAMAN TERHADAP KURSUS MASYARAKAT DAN
KEBUDAYAAN MALAYSIA DALAM KALANGAN PELAJAR
DIPLOMA PELBAGAI ETNIK DI UNIVERSITI PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS (UPSI)**

**THE UNDERSTANDING OF MALAYSIAN SOCIETY AND CULTURE COURSE
AMONG MULTI ETHNIC DIPLOMA STUDENTS AT UNIVERSITI PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS (UPSI)**

Norshahrul Marzuki Mohd Nor^{1*}, Mohamad Basri Jamal^{2*}, Khairul Gufran Kaspin^{3*}, Muhammad Hasbi Abdul Rahman⁴, Mazdi Marzuki⁵, Habibah @ Artini Ramlie⁶

¹ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: norshahrul@fsk.upsi.edu.my

² Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: basri.jamal@fsk.upsi.edu.my

³ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: ghufran@fsk.upsi.edu.my

⁴ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: muhar@fsk.upsi.edu.my

⁵ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: mazdi@fsk.upsi.edu.my

⁶ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: habibah_artini@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 10.03.2021

Revised date: 15.04.2021

Accepted date: 15.05.2021

Published date: 31.05.2021

Abstrak:

Kebelakangan ini sering kali berlaku perselisihan faham berkaitan pemahaman budaya dan amalan dalam masyarakat pelbagai etnik di Malaysia sehingga menimbulkan kemarahan. Keadaan ini jika tidak diselesaikan akan menyebabkan ketegangan etnik dan boleh menganggu gugat keamanan negara. Melalui Kursus Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia yang ditawarkan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kepada pelajar peringkat Diploma, pengkaji ingin mengenal pasti tahap pemahaman pelajar

To cite this document:

Mohd Nor, N. M., Jamal, M. B., Kaspin, K. G., Rahman, M. H. A., Marzuki, M., & Ramlie, H. (2021). Pemahaman Terhadap Kursus Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia dalam Kalangan Pelajar Diploma Pelbagai Etnik di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). International Journal of Education, Psychology and Counselling 6 (39), 198-207.

DOI: 10.35631/IJEPC.6390013

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



terhadap kursus ini. Hasil dapatan kajian menunjukkan pemahaman pelajar terhadap Kursus Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia adalah sangat tinggi dengan purata min 4.21 ke atas. Majoriti memberikan respon sangat setuju bahawa kursus ini dapat memberikan pemahaman yang jelas kepada mereka mengenai kepelbagaian budaya yang ada. Kursus ini juga membantu pelajar mengenali masyarakat pelbagai etnik dengan penuh keyakinan.

Kata Kunci:

Kursus Masyarakat dan Kebudayaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Abstract:

Recently, there have been frequent misunderstandings regarding the understanding of culture and practices in the multi-ethnic society in Malaysia, which has caused anger among them. If this situation is not resolved, it will cause ethnic tensions and could disrupt national security. Through the Malaysian Society and Culture course offered at Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) to Diploma level students, the researcher wanted to identify the level of students' understanding of this course. The research findings indicated that students' understanding in the Malaysian Society and Culture course was very high with an average mean of 4.21 and above. Majority of students stating strongly agree that this course can give them a clear understanding of the cultural diversity that exists besides this course can help students get to understand the multi-ethnic society with confidence.

Keywords:

Malaysian Society and Culture Course, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Pengenalan

Budaya serta masyarakat merupakan lambang kepada identiti sesebuah negara. Malaysia mempunyai kepelbagaian etnik menjadikannya sebuah negara yang unik. Masyarakat dan kebudayaan menjadi agenda untuk memupuk semangat kesatuan dalam masyarakat Malaysia bagi mewujudkan suasana negara yang lebih aman dan progresif. Dalam konteks ini, rakyat Malaysia harus menerima kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan yang wujud di sekeliling untuk sama-sama berjuang memastikan negara dapat berkembang sebagai sebuah negara maju yang dinamik.

Pemahaman tentang konsep masyarakat dan kebudayaan adalah amat penting untuk mengekalkan kestabilan negara (Abdul Rahim, Mohd Najib & Anis Ayuni, 2010). Justeru penekanan kepada sistem pendidikan yang dilaksanakan sehingga kini adalah salah satu usaha kerajaan yang penting untuk merealisasikan aspirasi negara bagi meningkatkan perpaduan kaum dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat negara ini. Pusat pendidikan tinggi dilihat dapat memainkan peranan penting dalam mendidik pelajar yang menjadi pelapis pemimpin masa hadapan yang terdiri daripada pelbagai kaum yang ada di Malaysia terutamanya dalam menggalakkan integrasi pelbagai kaum yang ada (Ezhar & Madiha, 2015). Pendidikan adalah tunjang kepada perpaduan negara, maka tidak dapat dinafikan pusat pendidikan memainkan peranan yang penting dalam pembinaan dan pembentukan keharmonian masyarakat yang seterusnya mampu memberikan kesan besar

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions kepada pembangunan negara ke arah negara yang mampan (Mohd Rizal & Thay, 2012). Kepentingan pendidikan dalam mewujudkan integrasi yang lebih kukuh hasil pemahaman mengenai budaya dan masyarakat mampu memastikan keamanan yang ada kini terus dikekalkan dengan mengambil kira sejarah kemerdekaan lalu sebagai asas dan juga perlembagaan negara (Ramlee, Norzaini, Faridah, Abdul Razak & Maimun Aqsha, 2009). Malah lebih awal sebelum ini, penyelarasan kepentingan etnik berdasarkan aspirasi negara pernah digambarkan sebagai prasyarat bagi merealisasikan wawasan negara (Mohamed Mustafa, 2014). Keadaan ini pastinya memerlukan pendekatan pengajaran yang sesuai dalam memastikan pemahaman pelajar menerima kepelbagaian budaya (Mansor, Azlina & Mohd Mahadee, 2016). Matlamatnya adalah memupuk semangat cintakan negara dan bersikap rasional dalam membentuk hubungan kaum yang ada berpaksikan nilai-nilai moral untuk mengekalkan kesepadan sosial yang dinikmati sehingga kini (Azat, 2011). Bagaimanapun, tanpa menyentuh tentang pendekatan pengajaran, dalam kajian ini pengkaji ingin mengenal pasti tahap pemahaman pelajar Diploma pelbagai etnik terhadap Kursus Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia sama ada dapat memberikan kesan yang baik dan memberikan pemahaman yang jelas mengenai kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan di Malaysia atau sebaliknya.

Secara umumnya, Kursus Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia yang ditawarkan kepada pelajar Diploma di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) membincangkan perkembangan masyarakat Malaysia. Tema utamanya mencakupi perkara-perkaa berikut iaitu:

- i. Sejarah perkembangan masyarakat dan kebudayaan di Malaysia
- ii. Latar belakang masyarakat Malaysia
- iii. Pembentukan masyarakat Malaysia pasca merdeka serta keunikan masyarakat Malaysia
- iv. Identiti masyarakat dan kebudayaan di Malaysia serta cabaran yang dihadapinya

Manakala antara topik-topik yang dibincangkan dalam kursus tersebut adalah seperti berikut:

- i. Latar belakang masyarakat dan kebudayaan Malaysia: Pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia. Topik ini melihat sejarah masyarakat dan budaya di Malaysia.
- ii. Pembentukan masyarakat Malaysia pasca merdeka: Asas pembentukan masyarakat, Perlembagaan 1957 dan Dasar Kebudayaan Malaysia. Topik ini akan mendedahkan pelajar dengan pembentukan masyarakat Malaysia.
- iii. Keunikan masyarakat dan kebudayaan Malaysia: Pembentukan dan perkembangan sistem kebudayaan yang merangkumi juga sistem politik, ekonomi, pendidikan dan agama. Topik ini adalah berkaitan dengan keunikan masyarakat dan budaya di Malaysia.
- iv. Identiti masyarakat dan kebudayaan di Malaysia: Pembinaan dan pembentukan identiti masyarakat dan kebudayaan di Malaysia, isu, cabaran dan impak. Pelajar akan didedahkan dengan identiti masyarakat dan kebudayaan di Malaysia.
- v. Cabaran masyarakat dan kebudayaan di Malaysia: Isu-isu dalam pendidikan, kebudayaan dan ekonomi. Topik ini adalah berkaitan isu-isu di dalam pendidikan, kebudayaan dan ekonomi.
- vi. Kesimpulan: Merumuskan kepentingan memahami keunikan dalam konteks yang sebenar. Pelajar akan didedahkan kepada pentingnya memahami keunikan masyarakat dan kebudayaan di dalam konteks yang sebenar.

(*Pro Forma Kursus HNS 2042 Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia, UPSI 2021*).

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
Sorotan Literatur

Perkataan ‘masyarakat’ seperti yang dijelaskan dalam *Kamus Dewan* (2015) adalah satu kumpulan tertentu yang hidup bersama dengan aturan tertentu yang telah dipersetujui oleh mereka. Dalam konteks ini, masyarakat melibatkan individu, keluarga, dan kumpulan yang ada dalam sesebuah masyarakat yang didiami melalui hubungan bersemuka. Daripada pergaulan ini, terbina pola hubungan sosial yang berulang sifatnya seperti kegiatan gotong-royong, bersama-sama merayakan sesuatu perayaan melalui rumah terbuka, berkumpul menyambut pembesar yang datang berkunjung, menghadiri majlis perkahwinan, membantu golongan yang ditimpa malapetaka, menziarahi jiran yang sakit tenat atau yang telah meninggal dunia. Pola hubungan sosial ini adalah satu manifestasi kepada kehidupan antara sama lain yang boleh memberikan kebaikan hasil daripada jalinan kerjasama yang wujud dalam masyarakat tersebut. Melalui kekerapan pergaulan ini, masyarakat dapat membina satu kesepaduan sebagai satu unit sosial yang utuh. Kesatuan yang ada dalam masyarakat mampu membentuk kepelbagaian dalam membangunkan sebuah negara bangsa dengan kukuh. Apa yang jelas adalah konsep masyarakat sebenarnya membawa penyatuan bangsa kepada kewujudan bangsa baharu yang boleh bertolak ansur dan boleh diklasifikasikan sebagai kesepaduan organik, terutamanya di kawasan bandar atau penempatan tersusun (Blackshaw, 2010).

Manakala konsep budaya yang perlu difahami ialah perlakuan yang menjadi amalan dalam kehidupan masyarakat yang wujud di sesuatu tempat sebagai amalan yang menjadi rutin kepada kehidupan harian mereka. Newmark (1988) mentakrifkan budaya sebagai: ‘...the way of life and its manifestations that are peculiar to a community that uses a particular language as its means of expression’. Hal ini menjelaskan bahawa bahasa merupakan cara berhubung dengan manusia dan kehidupannya ialah budaya. Dalam keadaan ini, budaya meliputi cara bercakap, cara makan, cara berpakaian, cara berhubung, adat resam yang diamalkan, agama dan sebagainya sebagai satu kaedah dalam kehidupan sehari-hari. Oleh itu, jelaslah bahawa budaya merupakan satu kegiatan yang boleh dilakukan mewakili tempat, agama dan masyarakat yang ada serta menjadi pegangan kepada sesuatu masyarakat. Para sarjana sains sosial dan kajian kemanusiaan menegaskan bahawa kebudayaan tidak wujud jika tidak ada masyarakat. Pendapat ini berasaskan fakta sejagat bahawa manusia sebagai anggota masyarakat telah bertanggungjawab mencipta, mengubah, menokok tambah dan melestarikan budaya serta telah menurunkannya daripada generasi kepada generasi untuk jutaan tahun dalam peradaban manusia sedunia. Proses mewariskan budaya melibatkan interaksi dua generasi; pertama, generasi yang menurunkan budaya dan kedua, generasi yang menerima budaya (Ezhar & Madiha, 2015).

Dalam konteks Malaysia, konsep kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan yang ada menjadi tonggak kepada kekuatan negara. Masyarakat Malaysia merupakan masyarakat pelbagai budaya, maka setiap bangsa atau ras dalam sistem sosial Malaysia pastinya berbeza antara satu sama lain dari segi latar belakangnya termasuklah perbezaan adat dan budaya kerana berbeza budaya dan kepercayaan. Dengan perantara bahasa Melayu sebagai penghubung kepada kepelbagaian budaya yang ada, masyarakat berbilang bangsa mampu tinggal dalam satu tempat dengan menjadikan budaya dominan iaitu budaya Melayu sebagai model penghubung kepada kepelbagaian budaya yang ada (Cho Minsung & Puteri Roslina, 2016). Perkembangan ini jelas memperlihatkan budaya merupakan satu cara kehidupan yang pelbagai dalam konteks Malaysia, tetapi asasnya ialah penerimaan budaya tersebut dalam

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
masyarakat sebagai satu asas pembinaan negara bangsa (Hamidah, Norlin & Nor Akmar, 2011). Justeru pendedahan awal mengenai masyarakat dan kebudayaan Malaysia kepada pelajar akan mampu membantu mereka dalam mengendalikan kehendak kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan yang ada di Malaysia.

Objektif Kajian

Beberapa objektif telah dikenal pasti dalam melaksanakan kajian ini. Antaranya termasuklah yang berikut:

- i. Untuk mengenal pasti tahap pemahaman pelajar mengenai konsep kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan.
- ii. Untuk mengenal pasti tahap pemahaman pelajar dari segi mengenali secara terbuka masyarakat dan kebudayaan Malaysia.

Metodologi

Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah analisis statistik deskriptif bagi mengetahui tahap pemahaman pelajar peringkat Diploma di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terhadap Kursus Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia. Bagi mengumpulkan data dalam kajian, instrumen yang digunakan ialah set soal selidik. Set soal selidik disediakan mengandungi dua bahagian; Bahagian A yang berkaitan latar belakang responden; dan Bahagian B yang mengandungi soalan berkaitan pemahaman pelajar mengenai kursus tersebut. Bahagian B ini dibahagikan pula kepada dua bahagian kecil. Setiap satu bahagian mengandungi lima soalan yang dikemukakan dengan kesemuanya mengandungi sepuluh soalan.

Menurut Saunders, Lewis dan Thornhill (2007), metod soal selidik merupakan kaedah yang paling sesuai dalam mengkaji hal-hal berkaitan pengukuran terhadap sesuatu perkara seperti pengetahuan, sikap, kefahaman, penglibatan dan sebagainya. Malah soal selidik bersifat praktikal dan berkesan dalam mengawal jumlah sampel kajian yang besar. Oleh itu, semua soalan yang dibentuk adalah dengan menggunakan skala pengukuran Likert untuk mengukur tahap pemahaman pelajar UPSI terhadap Kursus Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia yang mempunyai lima skala iaitu Sangat Setuju, Setuju, Tidak Pasti, Tidak Setuju dan Sangat Tidak Setuju. Daripada jumlah populasi seramai 600 orang pelajar Diploma, sebanyak 560 orang atau 93.3% pelajar telah menjawab soal selidik secara atas talian sebagai responden.

Dapatan Kajian

Bahagian A: Profil Responden

Dapatan dari bahagian A menunjukkan jumlah pelajar lelaki yang terlibat sebagai responden ialah 139 orang atau 25%, berbanding dengan pelajar perempuan sejumlah 421 orang atau 75%.

Jadual 1: Jantina

Jantina	Jumlah	Peratus
Lelaki	139	25%
Perempuan	421	75%
Jumlah	560	100%

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
 Seterusnya pula dari segi bangsa, majoriti responden terdiri daripada Bumiputera Melayu iaitu 371 orang atau 66.3%, Bumiputera Sabah 65 orang atau 11.6%, Bumiputera Sarawak 22 orang atau 3.9%, Cina 20 orang atau 3.6%, India 49 orang atau 8.8%, dan lain-lain 33 orang atau 5.9%.

Jadual 2: Bangsa

Bangsa	Jumlah	Peratus
Bumiputera Melayu	371	66.3%
Bumiputera Sabah	65	11.6%
Bumiputera Sarawak	22	3.9%
Cina	20	3.6%
India	49	8.8%
Lain-lain	33	5.9%
Jumlah	560	100%

Dari segi agama pula, sejumlah 430 orang pelajar beragama Islam atau 76.8%, diikuti dengan Kristian 71 orang atau 12.7%, agama Buddha 41 orang atau 7.3%, agama Hindu 12 orang atau 2.1% dan lain-lain 6 orang atau 1.1%.

Jadual 3: Agama

Agama	Jumlah	Peratus
Islam	430	76.8%
Kristian	71	12.7%
Buddha	41	7.3%
Hindu	12	2.1%
Lain-lain	6	1.1%
Jumlah	560	100%

Bahagian B: Pemahaman Pelajar Mengenai Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia

Bahagian ini merupakan fokus kajian iaitu pemahaman pelajar mengenai masyarakat dan kebudayaan Malaysia hasil daripada mengikuti Kursus Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia. Dalam bahagian ini terdapat dua persoalan utama yang menjadi kepada pokok perbincangan kajian ini, iaitu:

- i. Pemahaman terhadap kepelbagaiannya masyarakat dan kebudayaan.
- ii. Pemahaman dari segi mengenali secara terbuka masyarakat dan kebudayaan Malaysia.

Di bawah persoalan utama tersebut, terdapat lima soalan dikemukakan untuk dinilai oleh pelajar sama ada mereka bersetuju atau tidak hasil daripada pengalaman mereka mengikuti kursus ini.

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions

Jadual 4: Pemahaman Terhadap Kepelbagaian Masyarakat dan Kebudayaan di Malaysia

Bil	Pemahaman terhadap kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan di Malaysia	SS 5	S 4	TP 3	TS 2	STS 1	Min
1.	Membantu mengenali budaya dan masyarakat luar daripada lingkungan masyarakat sendiri.	38.8%	55.5%	3.4%	0.7%	1.6%	4.29
2.	Memberi pendedahan baharu yang lebih sistematik dan terarah kepada kepelbagaian budaya di Malaysia.	41.6%	52.1%	3.8%	0.9%	1.6%	4.31
3.	Memperbetulkan salah faham mengenai masyarakat dan budaya lain.	45.4%	47.7%	4.6%	0.9%	1.4%	4.35
4.	Memupuk kerjasama dalam menjalankan kegiatan dan tugas yang diberikan secara lebih rapat lagi dalam mengenali budaya dan masyarakat.	48.8%	45.9%	2.9%	0.7%	1.8%	4.39
5.	Membuka minda mempelajari budaya yang boleh digunakan dalam masyarakat sendiri.	45.7%	49.3%	2.5%	0.5%	2.0%	4.36

Berdasarkan Jadual 4, untuk pernyataan pertama iaitu ‘Membantu mengenali budaya dan masyarakat luar daripada lingkungan masyarakat sendiri’, seramai 38.8% orang pelajar sangat setuju dengan pernyataan ini, 55.5% setuju, 3.4% tidak pasti, 0.7% tidak setuju dan 1.6% sangat tidak setuju dengan nilai min 4.29. Untuk pernyataan kedua iaitu ‘Memberi pendedahan baharu yang lebih sistematik dan terarah kepada kepelbagaian budaya di Malaysia’, seramai 41.6% orang pelajar sangat setuju, 52.1% setuju, 3.8% tidak pasti, 0.9% tidak setuju dan 1.6% sangat tidak setuju dengan nilai min 4.31. Respon yang diperoleh menunjukkan kursus ini memberi pendedahan baharu yang lebih sistematik dan terarah kepada kepelbagaian budaya di Malaysia menerusi penglibatan dengan kegiatan masyarakat dan kebudayaan misalnya. Untuk pernyataan ketiga iaitu ‘Memperbetulkan salah faham mengenai masyarakat dan budaya lain’, seramai 45.4% orang pelajar sangat setuju, 47.7% orang setuju, 4.6% tidak pasti, 0.9% tidak setuju dan 1.4% sangat tidak setuju dengan nilai min 4.35. Respon ini menunjukkan kursus ini membantu pelajar memahami budaya dan masyarakat lain dengan lebih meluas tanpa wujud salah faham mengenai amalan dan perkara-perkara yang mereka lakukan di samping boleh memperbetulkan salah faham pelajar mengenai masyarakat dan budaya dengan lebih jelas dan bersifat lebih akademik, terutama daripada persepektif masyarakatnya sendiri.

Bagi pernyataan keempat iaitu ‘Memupuk kerjasama dalam menjalankan kegiatan dan tugas yang diberikan secara lebih rapat lagi dalam mengenali budaya dan masyarakat’,

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions seramai 48.8% sangat setuju dengan pernyataan ini, 45.9% setuju, 2.9% tidak pasti, 0.7% tidak setuju dan 1.8% sangat tidak setuju dengan nilai min 4.39. Keadaan ini menjelaskan melalui kursus yang mereka ikuti, pelajar dapat mengenali budaya lain dengan lebih rapat di samping menjelaskan mengenai budaya mereka kepada pelajar-pelajar lain menerusi sikap saling memahami dan hormat-menghormati. Untuk pernyataan terakhir dalam konstruk ini iaitu ‘Membuka minda mempelajari budaya yang boleh digunakan dalam masyarakat sendiri’, seramai 45.7% orang pelajar sangat setuju, 49.3% setuju, 2.5% tidak pasti, 0.5% tidak setuju dan 2.0% sangat tidak setuju dengan nilai min 4.36. Respon ini menunjukkan Kursus Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia membuka minda pelajar dalam mempelajari budaya lain dalam masyarakat.

Jadual 5: Pemahaman dari Segi Mengenali Secara Terbuka Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia.

Bil	Pemahaman dari segi mengenali secara terbuka masyarakat dan kebudayaan Malaysia	SS	S	TP	TS	STS	Min
1.	Memberikan maklumat baharu yang lebih jelas mengenai budaya dan masyarakat lain yang ada di Malaysia, tanpa dipengaruhi oleh mana-mana unsur negatif	41.8%	50.7%	5.4%	0.5%	1.6%	4.31
2.	Pendedahan secara langsung atau tidak langsung dengan rakan-rakan pelbagai etnik memberikan pengalaman penting dalam memahami kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan di Malaysia.	43.6%	48.4%	5.4%	1.1%	1.6%	4.31
3.	Lebih bersedia untuk berbincang dengan masyarakat luar dengan pengetahuan yang diperoleh.	28.6%	55.2%	13.8%	1.1%	1.4%	4.08
4.	Dapat membawa maklumat mengenai budaya dan masyarakat sendiri kepada masyarakat lain yang ada di Malaysia untuk mereka lebih mengenalinya.	34.3%	55.7%	7.1%	1.3%	1.6%	4.20
5.	Memberikan pendedahan mengenai adat dan budaya yang sebenar tanpa dipengaruhi oleh unsur negatif.	40.2%	52.5%	5.4%	0.4%	1.6%	4.29

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions
Berdasarkan Jadual 5, untuk pernyataan pertama dalam konstruk ‘Pemahaman Dari Segi Mengenali Secara Terbuka Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia’ iaitu ‘Memberikan maklumat baharu yang lebih jelas mengenai budaya dan masyarakat lain yang ada di Malaysia, tanpa dipengaruhi oleh mana-mana unsur negatif’, seramai 41.8% orang pelajar sangat setuju, 50.7% setuju, 5.4% tidak pasti, 0.5% tidak setuju dan 1.6% sangat tidak setuju dengan nilai min 4.31. Untuk pernyataan kedua iaitu ‘Pendedahan secara langsung atau tidak langsung dengan rakan-rakan pelbagai etnik memberikan pengalaman penting dalam memahami kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan di Malaysia’, seramai 43.6% orang pelajar sangat setuju, 48.4% setuju, 5.4% tidak pasti, 1.1% tidak setuju dan 1.6% sangat tidak setuju juga dengan nilai min yang sama dengan pernyataan pertama iaitu 4.31. Untuk pernyataan ketiga iaitu ‘Lebih bersedia untuk berbincang dengan masyarakat luar dengan pengetahuan yang diperoleh’, seramai 28.6% orang pelajar sangat setuju dengan pernyataan tersebut, 55.2% setuju, 13.8% tidak pasti, 1.1% tidak setuju dan 1.4% sangat tidak setuju dengan nilai min 4.08. Respons ini menunjukkan kursus ini membantu pelajar untuk bersedia memberikan maklumat yang benar mengenai kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan Malaysia

Manakala untuk pernyataan keempat iaitu ‘Dapat membawa maklumat mengenai budaya dan masyarakat sendiri kepada masyarakat lain yang ada di Malaysia untuk mereka lebih mengenalinya’, seramai 34.3% orang pelajar sangat setuju, 55.7% setuju, 7.1% tidak pasti, 1.3% tidak setuju dan 1.6% sangat tidak setuju dengan nilai min 4.20. Bagi pernyataan terakhir iaitu ‘Memberikan pendedahan mengenai adat dan budaya yang sebenar tanpa dipengaruhi oleh unsur negatif’, seramai 40.2% pelajar sangat setuju, 52.5% setuju, 5.4% tidak pasti, 0.4% tidak setuju dan 1.6% sangat tidak setuju dengan nilai min 4.29. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan kursus Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia dapat memberikan pemahaman dari segi kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan yang ada di Malaysia kepada pelajar peringkat Diploma yang mengikuti kursus tersebut. Keadaan tersebut meningkatkan pemahaman pelajar terhadap aspek masyarakat dan budaya sebagai salah satu usaha untuk memastikan keharmonian dapat terus dikelakkan pada masa akan datang. Kursus ini juga ternyata mampu memberikan input berguna dalam memberikan maklumat mengenai kepelbagaian masyarakat dan kebudayaan Malaysia.

Kesimpulan

Pemahaman yang jelas tentang masyarakat dan kebudayaan Malaysia dapat menjadikan pelajar lebih matang dalam pergaulan dalam kalangan pelbagai etnik dan budaya yang ada di Malaysia. Pelajar akan dapat memahami cara hidup masyarakat dengan lebih baik dan mampu memberikan maklumat kepada keluarga dan masyarakat yang masih tidak jelas mengenai sesuatu budaya yang ada di Malaysia. Secara tidak langsung, keadaan ini dapat menyelesaikan masalah hubungan kaum dan membantu mewujudkan suasana yang harmoni di dalam negara (Jabatan Perpaduan Dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2013). Pemahaman terhadap kursus juga akan membantu pelajar untuk memahami budaya serta mengembangkannya dalam memastikan penyatuan budaya berkonsep Malaysia di samping memberikan kesan yang baik kepada keamanan negara serta membangunkannya sebagai sebuah negara maju yang dinamik (Rohaty, Salasiah & Elis Johannes, 2011). Justeru kursus ini penting dalam usaha memberikan pengetahuan serta pemahaman yang betul mengenai kepelbagaian masyarakat di Malaysia dalam kalangan pelajar pelbagai etnik di UPSI agar saling hormat-menghormati antara satu sama lain dalam membina negara bangsa Malaysia.

Special Issue: Perspectives and Practices of Education Sustainability at Malaysian Higher Learning Institutions Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2102).

Bibliografi

- Abdul Rahim Hamdan, Mohd Najib Ghafar & Anis Ayuni. (2010). Fostering inter group contacts among multiracial students In Utm. *Proceedings International Conference on Learner Diversity, ICELD 2010*. Bangi: UKM.
- Azat Khairi. (2011). Konsep 1Malaysia dan Cabaran Pelaksanaannya ke Arah Pemantapan Perpaduan Sebuah Negara Bangsa. *Sociohumanika*.
- Blackshaw, T. (2010). *The Concept in Community Studies*. London: Sage Publication.
- Cho Minsung & Puteri Roslina Abdul Wahid. (2016). Penterjemahan Budaya Bukan Kebendaan Dalam Teks Terjemahan Bahasa Korea-Bahasa Melayu. *Jurnal Melayu*, 160-175.
- Ezhar Tamam & Madiha Hashmi. (2015). Predicting interethnic bridging social capital in youth ethnic-diversity engagement: the role of interethnic interaction and intercultural sensitivity. *International Journal of Adolescence and Youth DOI: 10.1080/02673843.2015.1024697*.
- Hamidah Abd Rahman, Norlin Ahmad & Nor Akmar Nordin. (2011). Kajian Tinjauan Hubungan Etnik Dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu Di Kampus Johor Bahru, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). *January 2011 Jurnal Teknologi 54(1) DOI:10.11113/jt.v54.99*
- Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN). (2013). *Kajian Sistem Pemantauan Hubungan Etnik di Malaysia*. Bangi: Selangor
- Kamus Dewan. (2015). (4th. ed). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mansor Mohd Noor, Azlina Abdullah & Mohd Mahadee Ismail. (2016). Mengurus dan Memahami Hubungan Etnik di Universiti Awam Malaysia. *Research Journal of Social Sciences* (3), 59-65.
- Mohd Rizal Mohd Said & Thay Cheow Yin. (2012). Tahap Hubungan Etnik: Kajian di Kalangan Pelajar yang Mengikuti Kursus Sarjana Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup), sesi Pengajian 2007-2008, Semester 2 di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 6 (Jun), 59-72.
- Mohamed Mustafa Ishak (2014). Politik Bangsa Malaysia: Pembinaan Bangsa Dalam Masyarakat Pelbagai Etnik. Sintok: UUM Press.
- Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation*. Londong: Prentice Hall International.
- Pro Forma Kursus HNS 2042 Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia 2021. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ramlee Mustapha, Norzaini Azman, Faridah Karim, Abdul Razak Ahmad & Maimun Aqsha Lubis. (2009). Social Integration among Multiethnic Students at Selected Malaysian Universities in Peninsular Malaysia: A Survey of Campus Social Climate. *AJTLHE*, 1(1), 35-44.
- Rohaty Mohd. Majzub, Salasiah Hashim & Elis Johannes, H.S. (2011). Cultural awareness among preschool teachers in Selangor, Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences 15*, 1573-1579.
- Saunders, M., Lewis, P., & Thornhill, A. (2007). *Research methods for business students, 4th edition*. London: Prentice Hall.